

## Pemeriksaan anda, dan harta milik anda

- Apabila anda ditangkap, Polis mempunyai hak untuk memeriksa:
  - Diri anda dan barang milik anda;
  - Mana-mana tempat yang dipercayai Polis mengandungi bahan bukti (contohnya, harta milik, kenderaan, komputer, telefon bimbit anda dsb.)
- Wanita hanya boleh diperiksa oleh seorang wanita lain dengan perhatian ketat diberikan kepada kesopanan.
- Sekiranya Polis memutuskan untuk memeriksa tempat-tempat seperti kediaman atau tempat kerja anda, mereka boleh menyita apa-apa sahaja yang dijumpai sebagai bahan bukti. Pada akhir kes itu, mahkamah akan memutuskan apa yang perlu dilakukan dengan barang yang disita – contohnya, sama ada memulangkan barangan itu kepada anda atau tidak.

## Pendakwaan

- Dalam masa 48 jam penangkapan anda, Polis perlu membawa anda ke mahkamah atau melepaskan anda, sama ada atas jaminan atau tanpa syarat.
- Apabila anda ke mahkamah, pendakwa boleh memohon untuk menahan anda lebih dari 48 jam. Bagaimanapun, pendakwa perlu memberikan sebab-sebab mengapa Polis perlu menahan anda untuk tempoh yang lebih lama dari 48 jam. Anda boleh membantah permintaan ini dan meminta Mahkamah untuk menerangkan mengapa anda perlu ditahan melebihi tempoh 48 jam. Mahkamah mempunyai kata putus mengenai sama ada anda perlu ditahan lebih dari 48 jam.
- Anda juga boleh meminta Mahkamah kebenaran untuk menghubungi keluarga anda dan peluang untuk bercakap dengan, atau mendapatkan khidmat, seorang peguam.
- Sekiranya anda rasa anda telah dianiaya semasa siasatan atau anda perlu berjumpa seorang doktor, anda perlu memaklukkannya kepada hakim secepat mungkin.
- Sekiranya anda tidak bersetuju dengan kenyataan yang anda tandatangani semasa penyiasatan, atau sekiranya pihak Polis telah membuat apa-apa perjanjian mengenai tuduhan atau hukuman anda di balai polis, anda perlu memaklukkannya kepada hakim secepat mungkin.



## Bantuan Guaman

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin memohon bantuan guaman di bawah Skim Bantuan Guaman Jenayah (CLAS) dan tidak mampu untuk mendapatkan khidmat peguam sendiri, sila hubungi atau kunjungi Pejabat Perkhidmatan Relawan dengan membawa salinan tuduhan-tuduhan ke atas anda dan penyata CPF anda yang menunjukkan sejarah sumbangan bagi tempoh 12 bulan lalu (sila lihat maklumat hubungan di bawah).

## Penolak tuntutan:

Maklumat yang terkandung di sini hanya mewakili maklumat umum dan asas mengenai undang-undang mulai Januari 2015.

Maklumat yang terkandung di sini disediakan sebagai perkhidmatan awam oleh Persatuan Guaman Singapura. Ianya berasal daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai dan tepat. Bagaimanapun, pihak Persatuan dan para wakilnya tidak akan menerima sebarang tanggungjawab bagi kesilapan atau pengecualian di dalamnya. Pembaca harus mendapatkan nasihat perundangan bebas.

### Persatuan Guaman Singapura Pejabat Perkhidmatan Relawan

Mahkamah Negara

Aras 5

1 Havelock Square Singapura 059724

Tel: 6534 1564


Faks: 6534 5237

Emel: [probonoservices@lawsoc.org.sg](mailto:probonoservices@lawsoc.org.sg)

[probono.lawsociety.org.sg](http://probono.lawsociety.org.sg)

Masa Beroperasi: Isnin - Jumaat, 9pg – 5.45ptg

Hak Cipta 2015





## Pendahuluan

Penyiasatan jenayah di Singapura dijalankan oleh pihak polis dan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang lain. Risalah ini memberikan panduan supaya anda mengetahui apa yang perlu dilakukan sekiranya anda diminta untuk membantu dalam penyiasatan oleh pihak polis atau agensi penguatkuasaan undang-undang lain, contohnya Biro Narkotik Pusat, Biro Siasatan Amalan Rasuah, dsb. ("Polis").

## Siasatan

- Polis mempunyai hak untuk meminta nama, alamat rumah dan Kad Pengenalan anda. Polis juga boleh meyoal sesiapa ketika menjalankan siasatan jenayah. Anda boleh ditangkap sekiranya anda tidak memberikan maklumat ini kepada pihak Polis.
- Anda mungkin diminta untuk memberi kenyataan kepada Polis, sama ada anda telah ditangkap atau tidak.
- Ketika membuat kenyataan, anda perlu perhatikan hal yang berikut:
  - Kenyataan anda biasanya akan ditulis dalam bahasa Inggeris. Jika anda tidak boleh memahami bahasa Inggeris, anda perlu memberitahu Polis secepat mungkin dan anda akan ditemubual dalam bahasa yang anda fahami.
  - Anda dikehendaki untuk memberitahu perkara sebenar, tetapi anda tidak perlu menyatakan apa-apa sekiranya ia mungkin akan mendedahkan anda kepada suatu tuduhan jenayah.
  - Sekiranya anda mempunyai apa-apa pembelaan yang menunjukkan anda tidak bersalah, anda perlu memberitahu Polis dan pastikan ianya ditulis dalam

kenyataan anda. Jika tidak, dan pembelaan ini diketengahkan untuk pertama kali di mahkamah, hakim mungkin tidak akan mempercayainya.

- Selepas memberikan kenyataan anda, baca dengan teliti sebelum menandatangani untuk memastikan bahawa segala yang telah anda beritahu Polis mengenai kes tersebut telah dicatat dengan tepat.
- Anda mempunyai hak untuk meminda atau memadam mana-mana bahagian kenyataan itu sebelum menandatangani. Jika anda telah ditangkap dan ditahan, anda boleh melakukan yang berikut:
  - Meminta untuk membuat panggilan kepada keluarga anda atau seorang peguam untuk memberitahu mereka bahawa anda telah ditangkap.
  - Meminta lawatan oleh keluarga anda atau seorang peguam.
  - Meminta untuk berunding dengan seorang peguam pilihan anda.
  - Tetapi permintaan-permintaan ini boleh ditolak jika Polis fikir ia akan mengganggu siasatan mereka. Anda harus meminta agar setiap permintaan itu dicatatkan.
- Semasa tempoh anda di balai, anda juga boleh:
  - Meminta makanan, minuman dan ke tandas;
  - Sekiranya anda tidak berasa sihat, beritahu pegawai yang menyoal anda bahawa anda tidak boleh meneruskan atau anda ingin berjumpa seorang doktor; dan
  - Meminta supaya setiap permintaan itu dicatatkan.
- Sekiranya anda tidak didakwa dengan sebuah kesalahan, kenyataan yang dipanggil "kenyataan amaran" akan dicatatkan dari anda.
  - Polis harus membaca kepada anda notis bertulis yang akan memaklumkan anda tentang tuduhan dakwaan anda.
  - Anda akan diberikan amaran bahawa sekiranya anda ingin menimbulkan sebarang fakta dalam pembelaan anda di peringkat ini, anda harus melakukannya sekarang. Jika tidak, dan fakta ini diketengahkan untuk pertama kali di mahkamah, hakim mungkin tidak akan mempercayainya.
  - Sekiranya anda ingin mengatakan apa-apa, ia akan ditulis, bacakan semula kepada anda dalam bahasa yang anda fahami, dan ditandatangani oleh anda.
  - Satu salinan tuduhan dan kenyataan amaran akan diberikan kepada anda.

